
LAPORAN PELAKSANAAN

SEMINAR FALAK NUSANTARA 2018

*SOUTHEAST ASIA-REGIONAL ASTRONOMY
SEMINAR*

SARAS 2018

17-18 OKTOBER 2018

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

anjuran bersama:



JABATAN MUFTI
NEGERI PERAK



UNIVERSITI
MALAYA



KELAB INSTUN

ISI KANDUNGAN

TAJUK LAPORAN		MUKA SURAT
1.0	PENGENALAN	2
2.0	OBJEKTIF SEMINAR	3
3.0	PENYERTAAN SEMINAR	4
4.0	MAKLUMAT SEMINAR	3
4.1	Kemudahan Fasiliti di INSTUN	6
4.2	Yuran Seminar	7
4.3	Penginapan Seminar	7
4.4	Kemudahan Makanan dan Minuman Seminar	8
4.5	Laman Sesawang	8
5.0	PENGISIAN SEMINAR	9-12
6.0	RINGKASAN KEJAYAAN SARAS 2018	13
7.0	PENUTUP	14-15
LAMPIRAN A: JAWATANKUASA PELAKSANA SARAS 2018		17-19
LAMPIRAN B: JAWATANKUASA DAN TUGAS DI PERINGKAT INSTUN, SARAS 2018		20-22
LAMPIRAN C: ATURCARA SEMINAR		23
LAMPIRAN D: SENARAI NAMA PEMBENTANG DAN MODERATOR		24-25
LAMPIRAN E: SENARAI NAMA PENYERTAAN SARAS 2018		26-30
LAMPIRAN F: GAMBAR-GAMBAR SEPANJANG SEMINAR		31-48
LAMPIRAN G: REKABENTUK POSTER, BROSUR, <i>BANNER</i>, BUNTING DAN SIJIL PENYERTAAN		49-54

1.0 PENGENALAN

Ilmu falak didefinisikan sebagai salah satu cabang ilmu yang penting dalam Islam yang membahaskan secara terperinci pergerakan objek samawi di langit. Dengan bersumberkan pada nas Al-Quran dan hadis, para ilmuan Islam dalam bidang falak / astronomi akan secara langsung dapat menyediakan perkiraan waktu solat, penentuan gerhana matahari dan bulan, data almanak dan data takwim Islam untuk kegunaan umat Islam sejagat. Oleh yang demikian, ilmu falak ini perlu diterokai dengan lebih mendalam terutamanya oleh umat Islam kerana ilmu ini berkisar tentang ilmu fiqh, akidah dan akhlak dimana ilmu-ilmu ini merupakan perkara asas yang perlu ada dalam kehidupan sebagai umat Islam.

Oleh yang demikian, penganjuran Seminar Falak Nusantara 2018 atau dikenali sebagai *Southeast Asia-Regional Astronomy Seminar (SARAS 2018)* di peringkat antarabangsa yang julung kalinya diadakan dengan kerjasama dari Jabatan Mufti Negeri Perak (JMNPk), Universiti Malaya (UM) iaitu dari Fakulti Sains dan Akademi Pengajian Islam serta kerjasama dari Kelab INSTUN merupakan suatu wadah pencerahan tentang ilmu falak dan platform terbaik dalam mengumpulkan penyelidik-penyelidik tempatan mahupun antarabangsa untuk mengetengahkan isu-isu dalam dunia falak / astronomi pada masa kini. Perasmian seminar ini telah disempurnakan oleh Mufti Kerajaan Perak, Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria. Dengan bertemakan "Ilmu Falak dan Masyarakat", seminar ini telah dapat menarik minat penyertaan daripada pelbagai pihak terutamanya golongan pelaksana dasar kerajaan mahupun NGO, penyelidik-penyelidik daripada IPTA tempatan dan golongan-golongan akademik dari rantau nusantara seperti Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei Darussalam dan Filipina dalam mengetengahkan kajian penemuan baru dalam bidang falak / astronomi.

INSTUN telah dijadikan lokasi penganjuran seminar SARAS yang julung-julung kalinya diadakan ini. Disamping aktiviti utama seminar ini iaitu pembentangan kertas kerja daripada penyelidik-penyelidik dalam ilmu falak / astronomi, terdapat pelbagai lagi pengisian seminar yang disediakan untuk para peserta sepanjang dua hari seminar ini berlangsung seperti pameran falak / astronomi, pertunjukan planetarium dan lain-lain aktiviti yang telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta SARAS 2018.

2.0 OBJEKTIF SEMINAR

Melalui program ini para peserta diberikan peluang untuk mendalami ilmu falak secara turath melalui kitab-kitab falak karangan para ilmuan falak Islam terutamanya dari nusantara. Maka, buat julung kalinya seminar yang akan dianjurkan ini merupakan: -

- i. Penganjuran yang pertama kali dilaksanakan negara ini;
- ii. Melibatkan ilmuan dari Malaysia dan rantau nusantara seperti Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei Darussalam dan Filipina;
- iii. Mengetengahkan juga penglibatan aktiviti-aktiviti sedemikian dari sekolah-sekolah atau IPTA / IPTS di Malaysia berkaitan ilmu falak (secara poster atau penceritaan / lisan); dan
- iv. Sebagai platform perkongsian kajian penemuan baru dalam bidang falak / astronomi.

Antara objektif penganjuran seminar ini adalah seperti berikut: -

- i. Memberikan pendedahan khusus kepada kumpulan sasaran mengenai teori dan aplikasi ilmu falak / astronomi di Nusantara;
- ii. Memberikan peluang kepada golongan sasaran untuk mendapatkan dimensi baru ilmu falak / astronomi khususnya di Nusantara; dan
- iii. Membuka medan diskusi ilmiah dalam ilmu falak / astronomi antara negara serantau.

3.0 PENYERTAAN

Pada seminar SARAS 2018 yang julung kalinya diadakan ini, sambutan penyertaan daripada pelbagai pihak baik di dalam negara mahupun diluar negara amat menggalakkan. Berikut merupakan antara penyertaan yang terlibat pada seminar SARAS 2018 ini: -

- i. Pegawai dan kakitangan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri
- ii. Pegawai dan kakitangan Falak Jabatan Mufti Negeri-negeri
- iii. Ahli Jawatankuasa Falak Negeri
- iv. Persatuan-persatuan Falak / Astronomi Negeri
- v. Pensyarah dan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta
- vi. Individu yang mempunyai pengetahuan berkenaan ilmu falak, astronomi dan fiqh
- vii. Pegawai dan Kakitangan kerajaan/ syarikat swasta/ persendirian
- viii. Badan-badan NGO
- ix. Orang Awam
- x. Peserta dari luar negara

Jadual dibawah memaparkan perincian penyertaan peserta mengikut kumpulan:-

BIL.	KUMPULAN	PECAHAN KEHADIRAN (ORANG)
1.	Sektor Awam / NGO	99
2.	Sektor Swasta	4
3.	Peserta Luar Negara	2
4.	Pelajar IPT	86
JUMLAH KESELURUHAN		191

*Nota: Senarai nama penyertaan mengikut kumpulan terdapat pada **Lampiran E** dalam laporan ini.

4.0 MAKLUMAT SEMINAR

Dengan kerjasama yang jitu dan padu dari Jabatan Mufti Negeri Perak (JMNPk), Universiti Malaya (UM) iaitu dari Fakulti Sains dan Akademi Pengajian Islam serta kerjasama dari Kelab INSTUN maka seminar ini telah berjalan dengan lancar seperti dalam perancangan. INSTUN yang merupakan sebuah pusat latihan telah dijadikan tempat pertemuan dan platform dalam merealisasikan objektif seminar Falak Nusantara yang julung kali diadakan ini. Jadual dibawah ini memaparkan maklumat-maklumat mengenai seminar ini: -

MAKLUMAT	KETERANGAN
Nama Seminar <i>Seminar Name</i>	Seminar Falak Nusantara 2018 <i>(Southeast Asia-Regional Astronomy Seminar 2018)</i>
Tema Seminar <i>Seminar Theme</i>	Ilmu Falak & Masyarakat <i>(Astronomy & Society)</i>
Skop / Bidang <i>Scope / Field</i>	i. Astronomi Cerapan <i>(Observational Astronomy)</i> ii. Astronomi Islam <i>(Islamic Astronomy)</i> iii. Astronomi Komuniti <i>(Community Astronomy)</i> iv. Astronomi Kebudayaan <i>(Cultural Astronomy)</i>
Tarikh <i>Date</i>	17 & 18 Oktober 2018 (Rabu & Khamis) <i>17 & 18 October 2018 (Wednesday & Thursday)</i>
Tempat <i>Venue</i>	Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) Tanjong Malim, Perak <i>National Institute of Land and Survey</i>
Laman Sesawang <i>Website</i>	http://saras2018.instun.gov.my/

4.1 Kemudahan Fasilitas di INSTUN

INSTUN selaku pihak penganjur seminar SARAS yang julung kali diadakan ini, telah menyediakan beberapa kemudahan fasiliti yang lengkap sepanjang dua hari seminar ini berlangsung. Jadual dibawah memaparkan jenis kemudahan fasiliti di INSTUN dan tujuan digunakan dalam penganjuran seminar ini: -

BIL.	FASILITI	TUJUAN
1.	Auditorium INSTUN	<ul style="list-style-type: none">• Sesi pembentangan kertas kerja• Sesi <i>Flash Talk</i>• Sidang Media Seminar• Pendaftaran Peserta dan Pembentang• Bilik Menunggu Pembentang / VIP
2.	Dewan Kuliah Utama (DKU), Blok Akademik C	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Perasmian Seminar• Ucapan Utama Seminar
3.	Perpustakaan INSTUN	<ul style="list-style-type: none">• Pameran Falak dan Astronomi• Pameran Pertandingan Poster• Tapak Jualan Buku / Penerbitan berkaitan Falak / Astronomi• Pemeriksaan Kesihatan dan Derma Darah
4.	Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster (PKUK), Blok Akademik C	<ul style="list-style-type: none">• Majlis meterai MoU antara INSTUN dan JMNPk• Sidang Media MoU
5.	Bilik Penginapan / Asrama / Rumah Tamu	<ul style="list-style-type: none">• Penginapan bagi pembentang, peserta dan urus setia
6.	Kafeteria, Blok Akademik C	<ul style="list-style-type: none">• Jamuan makan
7.	Bilik Ruby, Blok Akademik C	<ul style="list-style-type: none">• Bilik menunggu VVIP, VIP dan Pembentang• Jamuan Makan VVIP, VIP dan Media
8.	Anjung INSTUN	<ul style="list-style-type: none">• Pertunjukan Planetarium (<i>Dome</i>)
9.	Laluan luar antara Auditorium dan Anjung INSTUN	<ul style="list-style-type: none">• Tapak Jualan Sempena Seminar

4.2 Yuran Seminar

Yuran penyertaan bagi seminar ini, dikategorikan seperti berikut:-

BIL.	YURAN PENDAFTARAN / SEORANG	YURAN (RM)
1.	Sektor Awam / NGO	RM200.00
2.	Sektor Swasta	RM450.00
3.	Peserta Luar Negara	RM650.00
4.	Pelajar IPT	RM50.00

Yuran pendaftaran bagi seminar ini adalah termasuk penginapan, makan iaitu untuk sarapan, minum pagi, makan tengah hari, makan malam dan kit seminar peserta iaitu seperti beg seminar, nota seminar, buku program dan sijil penyertaan.

4.3 Penginapan Seminar

Pihak penganjur telah menyediakan kemudahan penginapan kepada kesemua kumpulan penyertaan SARAS 2018 di INSTUN. Antara jenis kemudahan penginapan yang disediakan adalah seperti rumah banglow, rumah tetamu dan asrama. Jadual dibawah menunjukkan kumpulan penyertaan dan bilangan penginapan yang disediakan oleh pihak penganjur:-

BIL.	KUMPULAN	PENGINAPAN
1.	Penceramah	20
2.	Panel	4
3.	Urusetia	30
4.	Peserta	82
5.	Pelajar	82
6.	Pameran	8
7.	Peserta <i>Walk In</i>	-

4.4 Kemudahan Makanan dan Minuman Seminar

Sepanjang dua hari seminar ini, pihak penganjur telah menyediakan kemudahan makanan dan minuman kepada semua peserta SARAS 2018. Berikut adalah jadual menunjukkan lokasi penyediaan makan dan minum peserta sepanjang seminar ini:-

HARI SEMINAR	WAKTU MAKAN	LOKASI PENYEDIAAN
Hari Pertama	Sarapan Pagi	Kafetaria C, Block C, INSTUN
	Minum Pagi	Auditorium INSTUN
	Makan Tengah Hari	Kafetaria C, Block C, INSTUN
	Makan Malam	Kafetaria C, Block C, INSTUN
Hari Kedua	Sarapan Pagi	Kafetaria C, Block C, INSTUN
	Minum Pagi	Auditorium INSTUN
	Makan Tengah Hari	Kafetaria C, Block C, INSTUN

4.5 Laman Sesawang SARAS 2018

Satu laman sesawang SARAS 2018 telah diwujudkan iaitu <http://saras2018.instun.gov.my/>. Maklumat berkenaan semua aktiviti sebelum, semasa dan selepas seminar telah dipaparkan dan boleh diakses oleh semua untuk rujukan seperti kertas-kertas pembentangan, gambar-gambar seminar dan sebagainya.

5.0 PENGISIAN SEMINAR

Sepanjang dua hari seminar SARAS 2018 ini, selain aktiviti utama iaitu seminar pembentangan kertas kerja daripada para peserta, terdapat pelbagai lagi pengisian yang telah disediakan oleh pihak penganjur kepada para peserta seminar SARAS ini. Berikut merupakan senarai dan maklumat bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang seminar SARAS iaitu: -

a) Pameran Falak / Astronomi

Pameran falak / astronomi telah berlangsung di Perpustakaan INSTUN. Pempamer terdiri dari syarikat-syarikat ukur swasta dan jabatan-jabatan kerajaan di Malaysia yang mempamerkan peralatan–peralatan ukur yang terkini dan moden serta pameran yang berkaitan dengan falak dan astronomi. Jadual dibawah memaparkan maklumat mengenai pempamer yang terlibat dalam aktiviti pameran SARAS 2018:

BIL.	AGENSI	PENERANGAN PAMERAN
1.	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Jalan Sultan Yahya Petra, Kuala Lumpur.	Menyediakan perkhidmatan untuk mengetahui tarikh kelahiran dalam bulan Hijriah dan kedudukan bulan semasa dilahirkan secara percuma kepada mereka yang beragama Islam.
2.	Bandwork GPS Solutions Sdn. Bhd. Old Klang Road, Kuala Lumpur.	Mempamerkan peralatan ukur GPS/GNSS dan peralatan ukur konvensional yang diguna pakai di lapangan ukur.
3.	Cad Focus Sdn. Bhd. Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur.	Mempromosikan perisian ZWCAD 2019 yang merupakan sebuah perisian yang lengkap dan mudah untuk membantu Juruukur dalam penyediaan plan dan sebagainya.
4.	Global-trak System Sdn. Bhd. Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.	Mempamerkan produk “3D laser scanning” yang digunakan untuk pembentukan 3D model.

BIL.	AGENSI	PENERANGAN PAMERAN
5.	E. J. Motiwalla Desa Pahlawan, Kuala Lumpur.	Mempamerkan pelbagai peralatan ukur yang digunakan di lapangan pada masa kini dan alat untuk pemprosesan imej seperti “ <i>scanner</i> ” dan “ <i>printer</i> ”.
6.	Perseid Telescopes & Binoculars Bayan Lepas, Pulau Pinang.	Mempamerkan pelbagai jenis model teleskop yang digunakan dalam cerapan astronomi / falak.
7.	Sky Shine Corporation Sdn. Bhd Setapak, Kuala Lumpur.	Mempamerkan peralatan ukur GPS/GNSS dan membuat demonstrasi penggunaan perisian GIS versi terkini.
8.	Jinsoon Yap Survey Solution Cheras, Kuala Lumpur.	Mempamerkan pelbagai peralatan ukur yang digunakan di lapangan pada masa kini.
9.	Starfield Instruments Supply Taman Sri Sentosa, Kuala Lumpur.	Mempamerkan pelbagai jenis model teleskop yang digunakan dalam cerapan astronomi / falak.
10.	Jabatan Mufti Negeri Perak	Mempamerkan bahan bacaan seperti buku, brosur yang berkaitan dalam bidang astronomi / falak disamping perkongsian maklumat dan kepakaran di Jabatan Mufti Negeri Perak dalam penyediaan takwim hijriah dan penentuan arah kiblat.
11.	Jabatan Mufti Negeri Selangor	Mempamerkan bahan bacaan seperti buku, brosur yang berkaitan dalam bidang astronomi / falak disamping perkongsian maklumat dan kepakaran di Jabatan Mufti Negeri Perak dalam penyediaan takwim hijriah dan penentuan arah kiblat.
12.	Taman Pustaka Enterprise	Mengadakan jualan buku-buku sejarah tamadun alam melayu dan astronomi / falak.
13.	CIMB Wealth Advisors (CWA)	Menawarkan pelaburan dan menyediakan khidmat nasihat kewangan secara percuma.
14.	Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)	Mempamerkan koleksi buku program latihan yang dijalankan di INSTUN dan risalah serta info bagi aktiviti setiap bahagian di INSTUN.

b) Pertunjukan Planetarium

Pada seminar SARAS ini, para pengunjung yang menyertai seminar ini berpeluang untuk melihat *astronomical dome (mobile planetarium)* secara percuma yang diadakan di lobi anjung INSTUN. Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti di seminar SARAS yang menjadi tumpuan oleh semua golongan peringkat umur terutamanya pelajar-pelajar sekolah. Para pengunjung dapat melihat pertunjukan dan peragaan simulasi bintang atau gugusan di langit dengan jelas seolah-olah berada di alam cakerawala. Oleh itu, menerusi aktiviti seumpama ini, ianya memberi pengetahuan ilmu mengenai dunia falak / astronomi dengan lebih jelas kepada para pengunjung.

c) Praktis Cerapan Teleskop

Terdapat sebuah teleskop milik INSTUN telah dipamerkan di anjung auditorium untuk pengunjung seminar SARAS. Disamping dapat melihat teleskop ini, para pengunjung juga berpeluang untuk bergambar bersama teleskop ini dengan pelbagai "*props*" astronomi yang disediakan.

d) Pertandingan "*flash talk*" dan poster terbaik

Sejumlah 15 penyertaan bagi pertandingan "*flash talk*" dan poster terbaik yang disertai daripada pelajar-pelajar IPTA. Poster-poster yang dihasilkan telah dipamer dan dinilai di Perpustakaan INSTUN. Pada pameran falak / astronomi ini, para pengunjung yang menyertai seminar SARAS berpeluang melihat hasil kajian mengenai ilmu falak / astronomi daripada pelajar-pelajar IPTA yang dipaparkan dalam bentuk poster. Bagi sesi "*flash talk*" pula, telah diadakan di Auditorium INSTUN. Pemarkahan dinilai oleh juri yang terdiri daripada beberapa orang pakar dan ilmuan dalam bidang falak / astronomi. Berikut adalah senarai pemenang pertandingan berkenaan: -

- Johan: Akram Zaki (USM)
- Naib Johan: Muhammad Daim Noharizan (USM)
- Ketiga: Nur Hidayah Ismail (UM)
- Keempat: Anisah Budiwati (UIN Walisongo)
- Kelima: Mohammad Afiq Azuan (UKM)
- Keenam: Mohammad Redzuan Tahar (UM)

e) Pemeriksaan Kesihatan dan Derma Darah

Para pengunjung seminar SARAS juga telah berpeluang untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan secara percuma dari Hospital Slim River, Perak. Disamping itu, terdapat program derma darah bagi membantu pengumpulan bekalan darah untuk pihak hospital bagi kegunaan mereka yang memerlukan.

6.0 RINGKASAN KEJAYAAN SARAS 2018

*Southeast Asia-Regional Astronomy Seminar
(SARAS 2018)*

3

3 bulan persiapan seminar

1

MoU dimeterai diantara Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Perak dan INSTUN

7

7 rencana resolusi SARAS 2018

23

23 pembentang ilmiah falak / astronomi:-

-19 pembentang Malaysia

-2 pembentang Indonesia

-1 pembentang Filipina

-1 pembentang Brunei

191

191 orang peserta dari dalam dan luar negara

15

15 penyertaan "*Flash Talk*" dan pertandingan poster terbaik

14

14 tapak pameran falak / astronomi daripada pelbagai agensi

865

865 orang pelajar sekolah mengadakan lawatan

7.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, seminar SARAS yang diadakan selama dua hari iaitu dari tarikh 17-18 Oktober 2018 ini telah berjaya direalisasikan berlandaskan objektif yang telah digariskan. Dengan keterlibatan penyertaan seramai 250 orang yang terdiri daripada pelbagai masyarakat umum, golongan akademik, golongan pelaksana dasar kerajaan mahupun NGO dan para ilmuwan dari Malaysia dan rantau Nusantara seperti Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei Darussalam dan Filipina ini ianya telah memberi suatu ruang wacana ilmu dan medium perkongsian ilmu serta wadah pertukaran buah fikiran yang baik dalam ilmu falak yang merupakan salah satu cabang ilmu dalam Islam yang membahaskan secara terperinci pergerakan objek samawi di langit. Sebanyak 23 kertas kerja telah berjaya dibentangkan dalam SARAS 2018 yang merangkumi 4 cabang astronomi iaitu astronomi cerapan, astronomi Islam, astronomi komuniti dan astronomi kebudayaan. Disamping itu, pada seminar ini juga dapat dilihat penglibatan yang aktif dari pelajar-pelajar IPTA tempatan dalam membentangkan kertas kerja dan juga pembentangan kajian dalam bentuk poster dengan tujuan memberi gambaran yang ringkas mengenai kajian yang dilakukan dalam bidang ilmu falak / astronomi untuk tatapan pengunjung SARAS 2018 ini.

Disamping pengisian utama seminar seperti pameran ilmiah berkaitan falak / astronomi, pertunjukan planetarium dan praktis cerapan teleskop, terdapat aktiviti sampingan yang disediakan oleh pihak penganjur seperti pemeriksaan kesihatan dan derma darah dan juga pelbagai jualan makanan dan minuman di dalam *food truck*. Oleh itu, dengan adanya aktiviti seumpama ini, maka ianya telah menarik ramai pengunjung dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak.

Dalam pada itu, dalam seminar ini, pihak Jawatankuasa SARAS 2018 telah memutuskan beberapa pelan tindakan yang boleh dijalankan oleh pihak-pihak yang berkepentingan sebagai *way forward* bagi kelangsungan aktiviti dalam bidang ilmu falak / astronomi dalam bentuk resolusi seperti berikut: -

RESOLUSI SARAS 2018

- i. Isu-isu falak yang masih belum diselesaikan di peringkat Malaysia perlu diberi keutamaan untuk diselesaikan segera oleh panel pakar falak JAKIM;
- ii. Mengadakan perkongsian penyelesaian isu-isu falak peringkat Nusantara melalui MABIMS (Menteri-menteri Agama Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura);
- iii. Bagi membolehkan agensi kerajaan menyalurkan dana dan penggiat astronomi komuniti hendaklah didaftarkan;
- iv. Menyarankan kepada kerajaan negara-negara Nusantara, menjalinkan hubungan perkongsian dan usahasama dalam mengumpul, memelihara, dan mengkaji manuskrip falak alam Nusantara;
- v. Menyarankan kepada masyarakat awam yang memiliki koleksi falak / astronomi peribadi untuk berkongsi dengan Jabatan Mufti Negeri-negeri;
- vi. SARAS 2018 bersepakat bahawa pembinaan balai cerap negeri Perak perlu disegerakan supaya menjadi pusat perkembangan falak di negeri Perak; dan
- vii. Menubuhkan seketeriat tetap bagi SARAS yang berpusat di Universiti Malaya supaya dapat dilangsungkan secara dwi-tahunan.

Oleh yang demikian, dengan resolusi-resolusi yang diputuskan ini ianya merupakan suatu pendekatan yang terbaik yang dilakukan agar kelangsungan aktiviti falak / astronomi ini dijalankan sepanjang masa. Konklusinya, seminar falak nusantara ini merupakan suatu titik permulaan yang berjaya dilaksanakan kerana objektif seminar ini berjaya dicapai dengan jayanya dan pihak Jawatankuasa SARAS 2018 juga telah memutuskan bahawa seminar SARAS seterusnya ini akan dilaksanakan pada tahun 2020.

Laporan disediakan oleh:

.....
(CIK SITI ARIFAH BINTI ABDUL KADER)

Penolong Ketua Program Ukur Geodetik,
Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Disemak oleh:

.....
(SR RABIULKHAIR BIN MOHD NOR)

Ketua Program Ukur Geodetik,
Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Disahkan oleh:

.....
(SR TAUFEEK BIN KASSIM)
Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan,
Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

JAWATANKUASA PELAKSANA SARAS 2018

PENASIHAT

YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Hj. Harussani bin Hj. Zakaria

Mufti Perak

PENASIHAT BERSAMA

SS Tuan Hj. Zamri bin Hashim

(Timbalan Mufti Perak)

Prof. Dato' Dr. Mohd. Yakub@Zulkifli bin Mohd Yusoff

(Pengarah Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Prof. Dr. Hasan bin Abu Kassim

(Ketua Jabaan Fizik, Fakulti Sains, Universiti Malaya)

Pn. Norehan binti Omar

(Penaung Kelab INSTUN)

AHLI JAWATANKUASA

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

SF Ustaz Mohamad Faizal bin Jani

SF Tn. Hj. Kamaruddin bin Adam

SF Ustaz Mohd Hafiz bin Sulaiman

Ustaz Mohamad Amri Alhusni bin Mohamad Dasuki

Ustaz Mohd Hafiz bin Bahrum

Ustazah Fatimah binti Ayoub

Ustaz Nor Izwan bin Hamdan

Ustaz Azizi bin Ismail

Ustaz Mohd Tajuddin bin Che Din

Ustaz Zainuddin bin Mohamad

Salmah binti Mohd Gidi

Mahanom binti Mior Arbi

Abdul Hadi bin Jalaluddin

Mohd Norazizi bin Mohd Shafie

UNIVERSITI MALAYA

Dr. Mohd Saiful Anwar bin Mohd Nawawi

Dr. Raihana binti Wahab

Dr. Mohamaddin bin Abdul Niri

Dr. Nurulhuda binti Ahmad Zaki

Dr. Nazhatulshima binti Ahmad

Dr. Norhasliza binti Yusof

Nurul Fatini binti Jaafar

Nur Hidayah binti Ismail

Mohammad Redzuan bin Tahar

KELAB INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

Sr Taufek bin Kassim, BCK

Haslina binti Tan Sali

Tn. Hj. Nasir bin Ismail

Zaiteena binti Wan Nasir

Anis Zaihasmy bin Zainal Abidin

Sr Rabiulkhair bin Mohd Nor

Musli bin Othman

Sr Edrin bin Mohd Eusoff

Sr Affandi bin Kastor

Sr Nasarularifin bin Kamarudin

Tn. Hj. Norhisham bin Othman

Mahruzaman bin Misran

Noor Amanina binti Mohd Noor

Sr Nor Mahani binti Ibrahim

Sr Faizah binti Mahmud

Sr P. Thivakaran Nair a/l Pathmanaphan

Sr Nur Adlina Ramli

Mohd Yusaimi bin Mat Yusof

Ahmad Kamal Ihsan bin Anuar
Abdul Rashid bin Omar
Noorhaizan binti Mat
Alwee Albar bin Syed Idros
Nor Adila binti Rahmad
Siti Maisarah binti Azha
Muhammad Faizal bin Abdul Rahman
Nurul Fazrin binti Asmoni
Aminah binti Anwar
Mohamed Sharudin bin Osman
Norizan binti Hussain
Sa'adiyah binti Mohd Ali
Aminudin bin Ramli
Mohd Faizal bin Abu Kaslan
Azleen binti Alias
Azahar Riza bin Omar
Adam Ngu bin Abdullah
Noor Alifah binti Abd Hamid
Mohd A'bduh bin Jailani
Wan Mohd Firdauz bin Wan Mohd Zahari
Muhamad Akmal bin Abdul Raffar
Siti Arifah bt. Abdul Kader
Sr Shafiq Azwan bin Zalil
&
Pegawai dan kakitangan INSTUN

JAWATANKUASA DAN TUGAS PERINGKAT INSTUN, SARAS 2018

JAWATANKUASA	NAMA	TUGAS
PENASIHAT	Pn. Norehan bt. Omar	Pengarah INSTUN
PENGARAH PROGRAM	Sr Taufek b. Kassim, BCK	Ketua Bahagian (Ukur dan Pemetaan)
KETUA PENYELARAS	Sr Rabiulkhair b. Mohd Nor	Memastikan perjalanan seminar berjalan lancar sebelum, semasa dan selepas program.
FLOOR MANAGER	En. Musli b. Othman (K) Sr Ahmad Khalil b. Ruslan En. Mohd Salim b. Yusof Sr Faatihah bt. Mohd Jani En. Abdul Rashid b. Omar Pn. Norhidayah bt. Mahmood	-Memastikan perjalanan sebelum dan semasa seminar berjalan lancar. -Pembentangan di Auditorium & Dewan Kuliah Utama (DKU). -Memastikan gimik perasmian seminar berjalan seperti dalam perancangan. -Penyambut dan pengiring VVIP.
JAWATANKUASA DOKUMENTASI	Sr Affandi Kastor (K) Sr Nor Mahani Ibrahim	Menguruskan urusan dokumentasi atau surat menyurat yang berkaitan dengan seminar.
JAWATANKUASA KEWANGAN	Cik Noor Amanina bt. Mohd Noor (K) Pn. Norizan bt. Hussain Cik Sa'adiyah binti Mohd Ali Kakitangan Seksyen Kewangan	Memastikan urusan kewangan dan perbelanjaan penganjuran seminar adalah dalam kawalan dan teratur.

JAWATANKUASA	NAMA	TUGAS
JAWATANKUASA PERSIDANGAN & LOGISTIK	En. Anis Zaihasmy B. Zainal Abidin (K) Sr Edrin b. Mohd Eusoff En. Mohd Ridhzuwan Bin Ahmad Pn. Noorhaizan & Seksyen Pentadbiran En. Ahmad Kamal Ihsan b. Anuar En. Alwee Albar Bin Syed Idros Pn Nora Azlina bt. Abdul Aziz En. Nik Azman b. Nik Jaafar En. Ghafar b. Abdol Pn Norfatimah bt. Abdul Jalil En Meor Fadhil b. Meor Aris En. Aznor Ahmad Lafzi b. Azim Pn. Nurhazwani Boon bt. Abdullah	<ul style="list-style-type: none"> -Menguruskan kelancaran perjalanan sesi pembentangan dan penyelesaian penceramah. -Menguruskan penceramah dan tetamu VIP. -Memastikan bilik penceramah dan VIP dalam keadaan kemas. -Mengawal bilik audio video di Auditorium. -Memastikan sistem audio video dalam keadaan baik di Dewan Kuliah Utama iaitu semasa sesi pembentangan malam.
JAWATANKUASA PENDAFTARAN	Sr Nor Mahani Ibrahim (K) Sr Nasarularifin Kamarudin Cik Noor Amanina bt. Mohd Noor Cik Siti Maisarah bt. Azha En. Muhammad Faizal b. Abdul Rahman Cik Siti Fatimah Noor bt. Abdul Latif Cik Siti Arifah bt. Abdul Kader	<ul style="list-style-type: none"> -Memastikan urusan pendaftaran peserta berjalan lancar. -Mempunyai senarai peserta yang lengkap dan teratur. -Menjawab surat pengesahan kehadiran peserta. -Mengurus kaedah pembayaran dan pengeluaran resit yuran penyertaan seminar. -Susunatur kaunter pendaftaran peserta semasa seminar.
JAWATANKUASA PAMERAN	Sr Nasarularifin b. Kamarudin (K) En. Mohamad Ikhfa b. Mohd Ikram En. Adam Ngu b. Abdullah Pn. Haryanti bt. Dahalan En. Adzrizal b. Adnan Pn. Syarfazila Ezuwida bt. Shaari Cik Rosmini bt. Ismail Pn. Kasthuri a/p Balasingam En. Mohamed Salim b. Abdul Rahman	<ul style="list-style-type: none"> -Memastikan urusan-urusan pameran berjalan lancar sebelum, semasa dan selepas seminar. -Pameran dari sektor awam dan sektor swasta. -Mengurus surat jemputan dan pameran. -Menetapkan lokasi pameran dan agihan tapak pameran.

JAWATANKUASA	NAMA	TUGAS
JAWATANKUASA MAKANAN	Tn.Hj. Norhisham b. Othman (K) Tn.Hj. Zamri b. Mohd Nor En. Abdul Malek b. Abdullah Pn. Norashikin bt. Md Zin Sr Shafiq Azwan bin Zalil	Memastikan perkhidmatan makan minum dan pemasangan khemah berjalan lancar.
JAWATANKUASA HADIAH	Sr Faizah bt. Mahmud (K) Sr Nor Mahani bt. Ibrahim Sr Nur Adlina bt. Ramli Pn. Noor Alifah bt. Abd.Hamid Pn. Noranizawaty bt. Yusof Cik Azleen bt. Alias Pn. Junainah Binti Abd. Rahman	<p>-Menyediakan hadiah untuk pemenang. Antaranya seperti: -</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan Poster (<i>FlashTalk</i>) - wang tunai. <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertama = RM200 2. Kedua = RM150 3. Ketiga = RM 50 <p>-Menyediakan cenderamata untuk tetamu VIP.</p> <p>-Menyediakan tag urus setia dan penceramah.</p> <p>-Penyediaan bayaran dan saguhati kepada penceramah.</p>
JAWATANKUASA MULTIMEDIA	En. Mohd A'bduh b. Jailani (K) Sr Khor Yao Fa En. Sulaimi b. Ahmad En. Mohd Faizal b. Abu Kaslan Pn. Rohani bt. Hassan Cik Norliza Hanim bt. Othman@Osman En. Syed Alwi Bin Syed Abd Hamid En. Mohd Zoolhalmy Bin Razali En. Mohd Aminuddin (Praktikal BTM)	<p>-Membuat rakaman perjalanan seminar iaitu gambar dan video semasa program berlangsung.</p> <p>-Menyediakan kamera, video dan uav.</p>

ATURCARA SEMINAR

Hari Ketibaan 16 Oktober 2018 (Selasa)		
MASA	PERKARA	LOKASI
3.00 pm - 7.00 pm	Pendaftaran Peserta (Penginapan)	Anjung Domestik
7.00 pm - 9.00 pm	Makan Malam	Kafeteria C
Hari Pertama 17 Oktober 2018 (Rabu)		
7.00 am – 8.00 am	Sarapan Pagi	Kafeteria C
8.00 am – 9.00 am	Pendaftaran Peserta (Seminar)	Auditorium INSTUN
9.00 am – 10.00 am	Ucuptama Seminar	Dewan Kuliah Utama Blok Akademik C
10.00 am – 10.30 am	Majlis Perasmian Seminar SARAS 2018	
10.30 am – 11.00 am	Rehat: Minum Pagi	Auditorium INSTUN
11.00 am – 1.05 pm	Sesi A: Astronomi Cerapan	
1.05 pm – 2.15 pm	Rehat: Makan Tengah Hari	Kafeteria C
	Rehat & Solat	Asrama/Solat
2.15 pm – 4.20 pm	Sesi B: Astronomi Islam	Auditorium INSTUN
